



20 Januari 2016

KENYATAAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

PUSPAKOM LANJUT WAKTU OPERASI SEMPENA TAHUN BARU CINA

Shah Alam, 20 Januari – PUSPAKOM Sdn Bhd (PUSPAKOM) akan melanjutkan waktu operasi di cawangan-cawangan yang dijangka sibuk bagi memenuhi permintaan yang dijangka tinggi sempena perayaan Tahun Baru Cina yang bakal disambut pada 8 hingga 9 Februari ini. Waktu operasi akan dilanjutkan pada hari Sabtu, 23 dan 30 Januari 2016, dari jam 8 pagi hingga 5 petang di cawangan-cawangan yang berikut:

Negeri	Cawangan
Kuala Lumpur	Wangsa Maju, Cheras, Pandan Mewah dan Taman Bukit Maluri
Selangor	Shah Alam, Bangi, Batu Caves, Sungai Besar, Padang Jawa, Banting, Glenmarie dan Petaling Jaya
Negeri Sembilan	Seremban
Pulau Pinang	Mak Mandin dan Teluk Kumbar
Perak	Gopeng dan Ipoh
Melaka	Alor Gajah
Johor	Johor Bahru, Pasir Gudang, Skudai, Taman Daya, Muar dan Kluang
Pahang	Kuantan
Kedah	Alor Setar dan Sungai Petani
Sarawak	Kuching
Sabah	Kota Kinabalu

Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Mohammed Shukor Ismail berkata, “Kami telah membuat persediaan awal dan rapi bagi menghadapi kemungkinan peningkatan jumlah kenderaan yang datang untuk pemeriksaan di PUSPAKOM.”

“Semua kakitangan PUSPAKOM telah bersedia dan komited untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan. Para pelanggan yang mempunyai tarikh luput pemeriksaan yang jatuh pada tarikh tersebut atau cuti umum Tahun Baru Cina boleh mengambil kesempatan ini untuk membuat perancangan awal untuk pemeriksaan kenderaan mereka.” katanya.

Tambah beliau, “PUSPAKOM juga telah menjalankan beberapa inisiatif untuk memastikan kenderaan selamat untuk perjalanan balik kampung sempena musim perayaan ini. Antara inisiatif yang diambil termasuk Kempen Pemeriksaan Kenderaan Sukarela (VVI) secara percuma yang meliputi 25 peringkat pemeriksaan kepada semua pemilik kenderaan persendirian. Kempen ini bermula dari 17 hingga 29 Januari 2016 di semua pusat pemeriksaan PUSPAKOM di seluruh negara, kecuali cawangan PUSPAKOM Shah Alam, Mak Mandin dan Kota Bharu.”

PUSPAKOM akan terus komited dalam merancang aktiviti yang lebih efektif bagi meningkatkan kesedaran orang ramai tentang keselamatan kenderaan dan meningkatkan tahap perkhidmatan kepada pelanggan.

Untuk maklumat lanjut, para pelanggan boleh menghubungi talian bebas tol PUSPAKOM 1-800-88-6927 atau layari laman sesawang PUSPAKOM di www.puspakom.com.my.

###

Jabatan Komunikasi & Khidmat Pelanggan

PUSPAKOM Sdn. Bhd.

03-2052 7465

Mengenai PUSPAKOM

Ditubuhkan pada tahun 1994, PUSPAKOM, anak syarikat milik penuh DRB-HICOM Berhad, merupakan satu-satunya syarikat pemeriksaan kenderaan yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk melakukan semua pemeriksaan mandatori terhadap kenderaan awam dan perdagangan, serta kenderaan persendirian untuk tujuan pembiayaan sewa beli, pindah milik dan insurans.

Gambar:

PUSPAKOM siap sedia hadapi permintaan pemeriksaan kenderaan sempena Tahun Baru Cina

